

07 JUL 2001

Lantik-positif

LANGKAH POSITIF LANTIK PEGUAM CINA SEBAGAI SETIAUSAHA POLITIK PM

KLANG, 7 Julai (Bernama) -- Persatuan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia mahu tindakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melantik seorang peguam Cina sebagai setiausaha politik beliau dilihat sebagai satu langkah positif Perdana Menteri dalam mengukuhkan lagi jambatan penghubung antara kaum Cina dan kaum Bumiputera.

"Kami berharap tindakan Perdana Menteri melantik seorang setiausaha politik daripada kaum Cina akan memulakan era persefahaman dan kerjasama baru di kalangan semua kaum," kata Presidennya Looi Teong Chye.

Katanya persatuan melahirkan penghargaan dan rasa terima kasih kepada Perdana Menteri di atas pelantikan Mathias Cheng, seorang peguam, sebagai setiausaha politik beliau seperti yang diumumkan minggu lepas.

Looi berkata di samping menjaga hal ehwal kaum Cina, pelantikan itu juga merupakan satu lagi usaha Dr Mahathir untuk menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa.

"SMI Malaysia memberi sokongan sepenuhnya kepada segala usaha Dr Mahathir selama ini yang sanggup berpenat lelah untuk meyatupadukan negara ini demi memenuhi aspirasi rakyat keseluruhannya," katanya pada persidangan akhbar di sini.

Beliau berharap setiausaha politik baru itu akan memainkan peranan untuk membantu memupuk perasaan kasih sayang, semangat bertimbang rasa dan persefahaman di kalangan kaum di Malaysia.

"Walaupun kita tahu kita tidak akan dapat mencipta sebuah negara yang sempurna tetapi dengan kerjasama dan persefahaman semua masalah dan halangan dapat diatasi," katanya.

-- BERNAMA

RIZ AKD